

Selepas pencarian MH370 buntu, MAS tutup pusat bantuan, arahkan waris pulang
Malaysian Insider
Mei 1, 2014
Oleh Md Izwan

Malaysia Airlines (MAS) hari ini mengumumkan penutupan Pusat Bantuan Keluarga di seluruh dunia dan ahli keluarga penumpang diarahkan pulang ke rumah masing-masing, selepas pencarian penerbangan MH370 masih buntu hingga kini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAS, Ahmad Jauhari Yahya berkata penutupan tersebut akan berkuatkuasa pada 7 Mei ini.

"Pihak kami akan berhubung secara rapat dengan ahli keluarga penumpang menerusi panggilan telefon, mesej, internet dan perjumpaan. Dengan sokongan kerajaan Malaysia, Pusat Bantuan Keluarga akan dibuka di Kuala Lumpur dan Beijing.

"Pelan terperinci mengenai perkhidmatan dan sokongan susulan akan dimaklumkan secara peribadi kepada keluarga penumpang," katanya.

Dalam kenyataan tersebut juga, Ahmad Jauhari mengumumkan pembayaran wang pampasan pendahuluan bagi membantu ahli keluarga penumpang yang memerlukan wang untuk menyara kehidupan.

"Malaysia Airlines akan membayar pendahuluan pampasan kepada waris yang layak secepat mungkin bagi memenuhi keperluan segera menampung kewangan mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, Ahmad Jauhari berkata pihak waris penumpang masih boleh meminta pampasan menggunakan saluran lain dan MAS tidak akan menghalang mereka daripada berbuat demikian.

"Pendahuluan pampasan tersebut tidak akan memberi kesan kepada hak waris untuk mendapatkan pampasan mengikut undang-undang kemudiannya, dan ia akan dikira sebagai sebahagian daripada pampasan terakhir," katanya.

Selepas 55 hari usaha mencari MH370, tiada petanda bangkai pesawat tersebut akan ditemui dan terpaksa beralih ke fasa baru iaitu pencarian di dasar lautan.

Penerbangan MH370 membawa 239 penumpang dan anak kapal hilang daripada imbasan radar ketika terbang di ruang udara Laut China Selatan pada 8 Mac setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 tengah malam.

Gerakan mencari melibatkan pelbagai negara dilancarkan untuk mengesan pesawat itu, mula-mula di Laut China Selatan dan kemudiannya difahamkan ia melencong daripada laluan asalnya dan berakhir di selatan Lautan Hindi. – 1 Mei, 2014

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-pencarian-mh370-buntu-mas-tutup-pusat-bantuan-arahkan-waris-pulang>